

# Luang masa ajar anak pelarian

**Irbid (Jordan):** Lapan penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Global Islamic Students Outreach (GISO) yang menyertai misi bantuan musim sejuk di Kem Pelarian Dafina, Mafraq meluangkan masa empat jam mengajar kanak-kanak pelarian Syria di Sekolah Al Insani, dekat sini.

Pengarah program Muhammad Miqdam Mohd Rashid berkata, mereka merancang untuk menyertai misi kemanusiaan ini sejak setahun lalu dengan mengumpul dana sendiri bagi membantu pelarian selain mendapat kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Muslim Care Malaysia.

Menurut Muhammad Miqdam, projek berkenaan adalah satu daripada silibus pelajaran yang perlu dilengkapkan penuntut USIM dan gembira apabila matlamat mereka tercapai.



MUHAMMAD Miqdam mengajar kanak-kanak pelarian Syria di Sekolah Al Insani. Gambar kecil, lukisan kanak-kanak Syria.

PENUNTUT USIM mengajar bahasa Inggeris kepada kanak-kanak pelarian Syria.

"Kami berkesempatan mengadakan pelbagai aktiviti bersama kanak-kanak pelarian Syria yang bersekolah di sini. Antara aktiviti ialah senamrobik serta belajar bahasa Inggeris asas dengan menggunakan gambar dan bahasa tubuh badan," katanya.

Muhammad Miqdam berkata, pihaknya turut mengajar kanak-kanak berkenaan menulis dalam bahasa Inggeris dan melukis apa yang terpendam dalam hati mereka.

"Kami dapati kanak-kanak berkenaan melukis gambar ibu, padang bola, masjid dan buaian di negara mereka yang seolah-olah menggambarkan ia musnah akibat peperangan.

"Kami turut berdepan cabaran ketika mengajar kanak-kanak ini akibat keangan bahasa, namun ia adalah pengalaman berguna buat kami," katanya.